

TRSM 2023 IRAFAN TOP RESEARCH SCIENTISTS MALAYSIA

17 OKTOBER 2023 | MELAKA | M RESORT & HOTEL

Malaysia
Sains & Teknologi
Bulan Inovasi

MALAYSIA
MADANI

TRSM
SM

TRSM

Malaysia Sains
& Teknologi
Bulan Inovasi

TRSM

TRSM



IKTIRAF: Balan menerima pengiktirafan tersebut bertempat di M Resort & Hotel Kuala Lumpur.

Pensyarah UMS terima pengiktirafan Top Research Scientists Malaysia

UB 26.10.2023 P.06

KOTAKINABALU: Pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Madya Dr. Balan Rathakrishnan diiktiraf sebagai antara Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2023 oleh Akademi Sains Malaysia (ASM), baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS itu menyediakan pelbagai latihan, rundingan dan penyelidikan kepada pelbagai jenis organisasi tempatan dan antarabangsa dalam bidang pembangunan belia dan komuniti serta psikologi industri dan organisasi.

Balan berkata, para saintis penyelidikan Malaysia menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ia dibuat melalui penajaan dan penyebaran pengetahuan, penciptaan kekayaan dan usaha produktif untuk kecemerlangan saintifik bagi manfaat kemanusiaan.

“Sehubungan itu, pangsakalan data TRSM bertujuan mengiktiraf dan mempamerkan pencapaian para saintis penyelidikan Malaysia sebagai pemain peranan dari segi kecemerlangan, mentor kepada generasi akan datang serta pemimpin untuk terus memajukan penyelidikan bidang sains, teknologi dan inovasi (STI),” katanya dalam satu kenyataan.

Balan berkata pengiktira-

fan yang diberikan kepada beliau akan digunakan sebagai satu mekanisme untuk menyedarkan orang ramai tentang kepentingan bidang penyelidikan kemanusiaan seperti bidang psikologi kepada komuniti.

“Saya berhasrat untuk melibatkan lebih banyak penyelidik muda untuk turut serta dalam penyelidikan bidang sains sosial dan kemanusiaan.

“Hasil dapatan ini akan dapat membantu meningkatkan kualiti dan kesejahteraan manusia sejagat serta meningkatkan hasil kreativiti dan inovasi dalam membantu meningkatkan kesejahteraan komuniti,” katanya.

Pengiktirafan itu disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Chang Lih Kang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Terlibat secara langsung dalam bidang penyelidikan selama lebih 20 tahun, Balan turut menyediakan latihan berkaitan pengurusan tekanan, ujian psikometrik untuk pembangunan kerjaya, penyertaan pekerja, pengurusan sumber manusia, skim ganjaran serta kreativiti dan bidang-bidang lain yang berkaitan.

Projek TRSM dibangunkan sebagai sebahagian daripada fokus ASM dalam memupuk budaya kecemerlangan STI.